


# Tips Keselamatan Gas Memasak



1

Pastikan dapur gas memasak selamat dengan cara:

- a) Menggunakan perkakas dapur gas yang mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.

- b) Peka dengan kewujudan bau kebocoran gas di kawasan dapur memasak.

- c) Mengadakan bukaan pengudaraan secukupnya di kawasan dapur memasak dengan membuka tingkap atau pintu ketika memasak.

2

Sekiranya mengesan bau gas, pastikan langkah berikut diambil:

- a) Buka tingkap atau pintu untuk galakkan pengudaraan di kawasan tersebut.

- b) Jangan buka atau tutup suis di kawasan tersebut.

- c) Jangan membawa peralatan atau kelengkapan yang boleh mencetuskan penyalaan atau "spark" berhampiran kawasan dapur memasak.

- d) Cari kebocoran gas dengan menggunakan Alat Pengesan Kebocoran Gas atau buih sabun dan baiki dengan segera.


3

Jangan tinggalkan dapur gas memasak ketika digunakan tanpa pengawasan sepenuhnya.



4

Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau meninggalkan rumah.



5

Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk sebarang kerja pembaikan gas berpaip di rumah.



#ThinkSafety ThinkST